

Ruj : UKM 3.1/224/8 Jld IX
Tarikh : \ hb . Nov 2010

PEKELILING BENDAHARI BIL. 21 /2010

Dekan/ Pengarah/ Ketua
Fakulti/ Pusat/ Bahagian/ Jabatan/ Unit
Universiti Kebangsaan Malaysia, dan
Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia

Y.Bhg. Prof. Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**PEROLEHAN SECARA RUNDINGAN TERUS BAGI MEMBEKAL DAN MENYEDIAKAN
MAKANAN/MINUMAN UNTUK MAJLIS JAMUAN RASMI/ACARA KHAS UNIVERSITI**

Surat pekeling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai peraturan perolehan Membekal & Menyediakan Makanan/Minuman Untuk Majlis Jamuan Rasmi/Acara Khas Universiti.

Dimaklumkan bahawa perolehan bernilai sehingga RM100,000 secara runding terus dengan Syarikat Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan bagi Membekal/Menyediakan Makanan/Minuman Untuk Majlis Jamuan Rasmi/Acara Khas Universiti termasuk perolehan jamuan/perkhidmatan catering sehingga RM100,000 secara rundingan terus dengan mana-mana hotel tempatan perlu mendapat kelulusan Bendahari dengan mengemukakan permohonan Pesanan Rasmi beserta Sebutharga berkaitan.

Sukacita sekiranya maklumat ini dapat disampaikan kepada kakitangan di bawah pengawasan Y.Bhg. Prof. Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan.

Surat Pekeling Bendahari ini berkuatkuasa pada tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

"Akauntabiliti Pegangan Kita"

Yang benar


MOHD ABD. RASHID MOHD FADZIL

Bendahari
Universiti Kebangsaan Malaysia

- s.k
- Naib Canselor, UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM.
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM.
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni), UKM.
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri & Masyarakat), UKM.
 - Pendaftar, UKM



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 16 TAHUN 2002

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan
Semua Pihakberkuasa Kerajaan Tempatan

**PEROLEHAN SECARA RUNDINGAN TERUS
BAGI MEMBEKAL DAN MENYEDIAKAN MAKANAN/MINUMAN
UNTUK MAJLIS JAMUAN RASMI/ACARA KHAS KERAJAAN**

Surat Pekeliling Perbendaharaan ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai peraturan perolehan membekal dan menyediakan makanan/minuman untuk majlis jamuan rasmi/acara khas Kerajaan.

2. Pegawai Pengawal dibenar meluluskan perolehan bernilai sehingga RM100,000 secara rundingan terus dengan syarikat Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan bagi membekal atau menyediakan makanan/minuman untuk majlis jamuan rasmi/acara khas Kerajaan. Perolehan jamuan ini hendaklah dibuat mengikut syarat dan kadar keraian yang berkuatkuasa. Keutamaan hendaklah diberi kepada syarikat di dalam kawasan/daerah berkenaan dan secara bergilir-gilir.

3. Pegawai Pengawal juga dibenar meluluskan perolehan jamuan/perkhidmatan katering sehingga RM100,000 secara rundingan terus dengan mana-mana hotel tempatan. Perolehan jamuan hendaklah mematuhi syarat dan kadar yang ditetapkan bagi *host* jamuan berkenaan.

4. Surat Pekeliling Perbendaharaan ini berkuatkuasa pada tarikh lanya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA “

Saya yang menurut perintah,



(Tan Sri Dr. Samsudin bin Hitam)
Ketua Setiausaha Perbendaharaan

6 November 2002

s.k. Ketua Setiausaha Negara
Ketua Audit Negara
Akauntan Negara Malaysia
Semua Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri